

Headline	DAP, PKR dominan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Black/white
Page No	4	ArticleSize	166 cm ²
AdValue	RM 664	PR Value	RM 1,992



DAP, PKR dominan

SHAHALAM – Penggunaan kalimah ALLAH yang dipersejajui Pakatan Rakyat (PR) tidak menghairankan kerana DAP dan PKR adalah dominan dalam parti pembangkang.

Pensyarah Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia, Dr Azmi Hassan berkata, keputusan itu bakal meraih undi popular terhadap DAP dan PKR, tetapi memberikan kemudahan kepada Pas kerana akan dituduh tidak mempertahankan agama Islam.

“Apa sahaja rasional digunakan Pas sukar diterima pengundi Melayu kerana kompromi dalam isu agama adalah pantang bagi orang Melayu.

“Mungkin PR telah memikat pengundi Kristian tetapi mereka lupa pengundi Melayu adalah ramai,” katanya.

Semalam, Majlis Pimpinan Tertinggi PR memutuskan penggunaan kalimah ALLAH boleh digunakan penganut Kristian dengan syarat kalimah itu tidak disalahgunakan.

Dalam perkembangan sama, Presiden Pas, Abdul Hadi Awang berkata, Pas berpendirian konsisten seperti yang pernah dikeluarkan pada 4 Januari 2010 lalu di mana kalimah ALLAH adalah tidak boleh diterjemahkan ke dalam mana-mana bahasa secara tepat.

Abdul Hadi berkata, penganut Islam daripada pelbagai bangsa tetap menyebut perkataan ALLAH apabila menterjemah ke dalam bahasa masing-masing dan ketika beribadat.

Sementara itu, Pensyarah Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, peng-

“Terpulang kepada rakyat untuk menilai keputusan yang dibuat oleh PR mengenai penggunaan ALLAH.”

Azizuddin

gunaan kalimah ALLAH dalam kalangan masyarakat Kristian tidak boleh dihalang kerana maksud konsep ketuhanan Islam dan Kristian berlainan.

Bagaimanapun, penggunaan kalimah ALLAH diimbangi kelirukan rakyat.

“Penggunaan kalimah ALLAH digunakan masyarakat Kristian di Sabah dan Sarawak tetapi tidak di semenanjung,” katanya.

Azizuddin berkata, polemik ini dibangkitkan semula kerana politik menjelang pilihan raya.

“Terpulang kepada rakyat untuk menilai keputusan dibuat oleh PR mengenai penggunaan ALLAH,” katanya.

Bagi Prof Dr Mansor Mohd Noor dari Universiti Kebangsaan Malaysia, isu kalimah ALLAH dibangkitkan semula kerana ahli politik kurang faham mengenai literasi politik di negara ini.

“Negara ini negara Persekutuan melibatkan bidang kuasa Pusat dan Kerajaan Negeri. Bidang kuasa negeri berbeza dengan sebuah negeri lain.

“Hal agama adalah bidang kuasa negeri dan sebagai ahli politik, mereka lebih arif mengenai hal ini. Tidak perlu bangkitkan semula isu yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri penggunaan ALLAH tidak boleh digunakan agama lain,” katanya.